

CABARAN HIDUP IBU TUNGGAL: KESAN TERHADAP KESEJAHTERAAN EMOSI

LIFE CHALLENGES OF A SINGLE-MOTHER: ITS' IMPACT ON EMOTIONAL WELL-BEING

Siti Marziah Zakaria¹
Nurul Shafini Shafurdin²
Noremy Md. Akhir³
Suzana Mohd Hoesni⁴
Jamiah Manap⁵

^{1, 2, 3, 4, 5} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Bangi, Selangor.

¹marziah@ukm.edu.my

Accepted date: 22-11-2018

Published date: 11-03-2019

To cite this document: Zakaria, S. M., Shafurdin, N. S., Akhir, N. M., Hoesni, S. M., & Manap, J. (2019). Cabaran Hidup Ibu Tunggal: Kesan Terhadap Kesejahteraan Emosi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 69-84.

Abstrak: Isu kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibu tunggal seharusnya tidak dipandang mudah. Ini kerana ibu tunggal turut menyumbang kepada peningkatan jumlah golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan serta sokongan untuk meneruskan kehidupan. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal secara tidak langsung telah menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka cabaran sebenar yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal terpilih di Selangor. Pendekatan kualitatif ini mengaplikasikan perbincangan kumpulan berfokus (*focused group discussion*) sebagai kaedah pengumpulan data bagi kajian ini. Pemilihan informan adalah berdasarkan pensampelan bertujuan yang dipilih menggunakan kriteria inklusif dan eksklusif. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis menggunakan analisis bertema. Hasil kajian mendapati berikut adalah antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal (a) ketidakstabilan ekonomi, (b) urusan mahkamah, (c) nafkah anak, (d) hubungan antara bekas suami dan anak-anak, (e) masalah kesihatan, (f) cabaran membesarkan anak-anak, dan (g) stigma masyarakat. Hasil kajian turut mendapati cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal ini telah menggugat kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, intervensi sewajarnya perlu bagi membantu golongan ibu tunggal mencapai kefungsi sosial seterusnya meningkatkan kesejahteraan fizikal dan psikososial mereka.

Kata Kunci: Cabaran, Impak, Ibu Tunggal, Kesejahteraan

Abstract: The psychological well-being issue among the single mothers should not be taken lightly. This is because single mothers contribute to the increase of the underprivileged group that need help and support to survive. Various challenges faced by the single mothers indirectly

affect their well-being. Therefore, this study is conducted to explore the real challenges faced by the single mothers in Selangor. This qualitative approach applies the focused group discussion as the data collection method for this study. The selection of informants is based on the purposive sampling using the inclusive and exclusive criteria. The data collected is analysed using thematic analysis. The study shows that the challenges faced by the single mothers include (a) economic instability, (b) court matters, (c) child expenses, (d) relationship between the ex-husband and children, (e) health problem, (f) child raising challenges, and (g) stigma from the society. The study also finds that the challenges faced by the single mothers have affected their well-being. Hence, appropriate interventions are needed to assist the single mothers to achieve their social functions thus increasing their physical and psychosocial well-being.

Keywords: *Challenge, Impact, Singgle Mother, Well-Being*

Pengenalan

Sesebuah institusi kekeluargaan dianggap lengkap dan sempurna pada mata kasar masyarakat apabila terdiri daripada pasangan suami isteri yang bertindak sebagai ibu dan bapa, serta anak-anak (Malinen et al, 2010). Setiap orang di dalam sesebuah keluarga mempunyai peranan tersendiri termasuklah untuk bertindak sebagai penyelesaian masalah dan juga pemberi sokongan terhadap ahli keluarga yang lain. Pengendalian urusan kekeluargaan akan jadi lebih mudah apabila setiap ahli keluarga mengetahui struktur keluarga yang jelas dan memainkan peranan masing-masing dan institusi kekeluargaan tersebut (Bitter, 2009). Walaubagaimanapun, tidak semua keluarga kekal memiliki struktur keluarga yang terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak. Kematian atau penceraian ibu dan bapa akan mengubah struktur asal sesebuah keluarga. Peristiwa negatif ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap sesebuah keluarga (Ochoa, 2006) serta mengubah peranan setiap ahli keluarga tersebut (Nichols, 2010).

Choi dan Jackson (2011) mengatakan bahawa masyarakat umum lebih kerap membincangkan tentang ibu tunggal berbanding bapa tunggal. Ibu tunggal juga dianggap terpaksa memikul tanggungjawab yang lebih besar setelah ketiadaan suami. Ibu tunggal ditakrifkan sebagai seorang wanita yang mempunyai anak dan berperanan untuk melengkapkan keperluan isi rumah yang terdiri dalam kategori yang berikut ; i) wanita yang telah bercerai, balu atau diabaikan dan menjadi sumber pendapatan utama keluarga, ii) wanita yang berpoligami yang menjadi sumber pendapatan utama keluarga, iii) wanita yang berkahwin secara sah tetapi berpisah dengan suami, iv) wanita yang berkahwin dan menjadi satu-satunya punca dan sumber pendapatan keluarga, v) wanita yang tidak berkahwin dan mempunyai anak angkat, dan vi) wanita yang mendapat hak penjagaan anak yang bukan anaknya sendiri (*United Nation Development Programme, 2007*).

Di Malaysia, golongan ibu tunggal turut diberikan perhatian khusus oleh pihak kerajaan. Pelan Tindakan Kebangsaan Memperkasakan Ibu Tunggal 2015-2020 telah diluluskan pada 2015 dan mengkategorikan ibu tunggal dalam kelompok seperti yang berikut; i) perempuan yang menjadi ketua isi rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; ii) perempuan yang menjadi ketua isi rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau iii) perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf). Peranan ibu tunggal dianggap sesuatu yang sukar dan pelan tindakan ini

bertindak sebagai panduan dan rujukan semua pihak umum dan berkepentingan dalam urusan pembangunan Negara.

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2014) menunjukkan peningkatan sebanyak 80.6% daripada jumlah asal golongan ibu tunggal pada tahun 2010 berbanding ibu tunggal berdaftar pada 10 tahun sebelumnya. Peningkatan statistik ini selari dengan peningkatan aduan dan kes yang diterima oleh Unit Kaunseling di Jabatan Pembangunan Wanita. Kehilangan suami yang pernah menjadi tempat bergantung sebelum ini memaksa golongan ibu tunggal untuk menggalas peranan yang lebih besar (Siti Rafiah & Sakinah, 2013). Zaini (2014) turut mengatakan bahawa peranan mereka tidak hanya tertumpu kepada pengurusan keluarga, malah perlu memfokuskan kepada kestabilan ekonomi Negara serta memantau tumbesaran anak-anak baik dari segi fizikal, pendidikan dan kegiatan anak-anak. Dengan adanya sesi kaunseling yang disediakan oleh pihak berwajib, secara tidak langsung golongan ini terdorong dan disokong untuk menjadi individu yang lebih berkualiti (Rousou et al, 2013).

Selain daripada perubahan peranan yang terpaksa dipikul secara drastik oleh golongan ini, episod perpisahan dengan suami pasti memberikan impak negatif dalam diri mereka dan secara tidak langsung menyebabkan emosi mereka terganggu (Samuels- Dennis et al, 2010). Proses ini merupakan proses penyesuaian diri untuk menggalas peranan baru dalam kehidupan mereka (Dunn, 2015). Pertukaran status isteri kepada ibu tunggal mungkin membawa kepada trauma dan kebimbangan (Crosier, Butterworth & Rodgers, 2007) serta mungkin membawa kepada kemurungan yang berpanjangan sehingga menyebabkan individu mengalami kesunyian, mengalami gangguan pada kefungsi harian seperti hilang selera makan, sukar tidur pada waktu malam dan hilang keyakinan diri untuk bersosialisasi dengan individu lain (Dunn, 2015).

Peranan sebagai ibu tunggal bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Ianya adalah satu tugas yang memberikan tekanan kepada golongan ini. Bebanan tanggungjawab yang tinggi terhadap anak-anak mampu memberikan kesan kepada kesejahteraan psikososial, kesihatan fizikal, kestabilan ekonomi serta kualiti hidup ibu tunggal (Hanson, Kaakinen & Gedaly-Duff, 2005). Ketiadaan pasangan dalam mengendalikan urusan anak-anak turut memberikan kesukaran kepada golongan ibu tunggal untuk memberikan perhatian khusus dan masa kepada anak-anak (Kendig & Bianchi, 2008). Justeru, artikel ini akan meneroka kesejahteraan emosi golongan ibu tunggal, dengan memberi perhatian khusus kepada cabaran-cabaran yang perlu dilalui oleh mereka setelah bergelar ibu tunggal. Dapatan kajian ini penting untuk memahami realiti sebenar kehidupan seorang ibu tunggal, seterusnya merangka strategi dalam memperkasa dan membantu golongan ini.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif cenderung untuk menghasilkan data yang kaya dengan informasi tetapi kompleks kerana perlu ditafsir menurut pemahaman dari teori (kajian literatur) yang dibuat oleh penyelidik pada peringkat awal kajian. Ia memberi penumpuan kepada pemahaman dan penerangan yang jelas serta mendalam ke atas sesuatu fenomena yang dikaji dan bukan berdasarkan ukuran atau pengiraan (Siti Uzairiah, 2017). Pendekatan fenomenologi digunakan bagi mendapatkan pemahaman dan penjelasan daripada ibu tunggal tentang permasalahan dan cabaran yang dihadapi sehingga memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup mereka.

Seterusnya kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah perbincangan berkumpulan secara berfokus (focus group discussion) yang dijalankan di Pejabat Pertubuhan Ibu Tunggal Rangkaian Hati (PITRAH) Bangi, Selangor.

Kaedah Persampelan

Selain itu, kajian yang dijalankan ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana (8) lapan orang ibu tunggal yang tinggal di Daerah Hulu Langat Selangor telah dipilih sebagai informan kajian. Penyelidik memilih kaedah persampelan bertujuan kerana menurut Liamputtong dan Ezzy (2005), kaedah persampelan ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan juga menjelaskan maksud, interpretasi dan proses yang terlibat dalam isu yang dikaji. Ia sama sekali tidak mementingkan soal untuk mengeneralisasikan dapatan kepada keseluruhan populasi sebaliknya sampel dalam kajian kualitatif adalah bersifat bertujuan (Payne & Williams, 2005). Kriteria inklusif yang telah ditetapkan bagi pemilihan sampel ialah: i) wanita yang kematian suami atau bercerai, ii) mempunyai anak, iii) mempunyai sumber pendapatan, iv) menyertai persatuan ibu tunggal dan v) masih menyara anak. Kriteria-kriteria ini ditetapkan untuk mendapat gambaran sebenar mengenai cabaran yang dilalui sebagai ibu tunggal dan situasi kehidupan mereka kini yang memikul pelbagai tanggung jawab sendirian.

Instrumen Kajian

Dalam menjalankan kajian ini terdapat empat instrumen yang digunakan iaitu panduan soalan, perakam suara, buku nota lapangan dan pengkaji sendiri sebagai instrumen kajian. Panduan atau protokol soalan adalah senarai soalan-soalan yang disediakan oleh penyelidik untuk dijadikan panduan semasa sesi temu bual berkumpulan dijalankan. Ia perlu mengandungi soalan pengenalan, soalan kunci dan soalan penutup yang dibina dalam bentuk soalan berstruktur separa (semi-struktur). Dalam panduan soalan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini, terdapat tiga bahagian iaitu bahagian A adalah berkaitan maklumat demografi responden. Manakala bahagian B adalah soalan berkaitan pengenalan dan pengalaman informan sebagai ibu tunggal dan bahagian C adalah berkaitan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal. Contoh soalan bahagian A ialah: “Sudah berapa lama puan berpisah dengan bekas suami?”, “berapa ramai anak yang masih puan tanggung?” manakala soalan bagi bahagian B ialah: “bagaimana kehidupan puan selepas menjadi ibu tunggal?”. Bahagian C bertanyakan soalan seperti: “apakah bentuk sokongan yang puan telah diterima?”, “adakah keluarga memberi sokongan, bagaimana?”

Analisis Data

Bagi menganalisis data kajian ini, kesemua data yang dirakam menggunakan perakam suara elektronik didengar berulang kali dan ditaip dalam bentuk transkrip (*transcribe verbatim*). Penyelidik seterusnya menganalisis data menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*). Dalam melakukan aktiviti menganalisis data, penyelidik telah menjalankan langkah-langkah seperti mana yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006) iaitu membiasakan diri dengan data, menghasilkan kod awal, mencari tema, mengkaji tema dan akhir sekali menakrif dan menamakan semula tema. Berdasarkan proses tersebut, tema (kategori) diberi nama, ditakrifkan dan dibincangkan dalam dapatan kajian. Penyelidik menggunakan petikan dan frasa temu bual bagi menterjemahkan hasil dapatan kajian. Keseluruhan proses ini telah memberi makna kepada tema yang terbentuk. Tema kemudiannya disahkan melalui pemeriksaan ahli (*members' check*) dan pandangan rakan (*peer review*) untuk memastikan bahawa tema yang dikeluarkan adalah tepat.

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan latar belakang demografi lapan orang informan yang terlibat dalam perbincangan berkumpulan secara berfokus. Informan yang terlibat berusia antara 25 hingga 58 tahun. Kesemua informan beragama Islam dan berbangsa Melayu. Antara pekerjaan informan yang terlibat dengan kajian ini adalah pekerja kilang, peniaga kuih dan peniaga kecil-kecilan, pengawal keselamatan, pengasuh bayi dan pesara. Majoriti daripada informan mempunyai pendapatan di bawah RM2000.00 sebulan kecuali informan kelima dan kelapan masing-masing mempunyai pendapatan RM2100 dan RM3000.00 sebulan. Kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini mendapat hak penjagaan anak-anak mereka di mana majoriti mempunyai bilangan anak seramai tiga orang melainkan informan ketiga mempunyai empat orang anak dan informan pertama dan kedua masing-masing mempunyai lapan orang anak.

Jadual 1: Demografi Responden

Informan	Umur	Agama/Bangsa	Pekerjaan	Pendapatan	Bilangan anak
Informan 1	58 tahun	Islam/Melayu	Pesara guru	RM1800.00	8 orang
Informan 2	51 tahun	Islam/Melayu	Peniaga kuih	RM2000.00	8 orang
Informan 3	48 tahun	Islam/Melayu	Pekerja kilang	RM1400.00	4 orang
Informan 4	45 tahun	Islam/Melayu	Pengawal keselamatan	RM900.00	3 orang
Informan 5	25 tahun	Islam/Melayu	Pekerja kilang	RM2100.00	3 orang
Informan 6	45 tahun	Islam/Melayu	Membuat kuih	RM500.00	3 orang
Informan 7	53 tahun	Islam/Melayu	Pengasuh bayi	RM600.00	3 orang
Informan 8	57 tahun	Islam/Melayu	Pesara guru	RM3000.00	3 orang

Analisis Tema

Dapatan kualitatif yang diterima berdasarkan hasil temubual berkumpulan dengan golongan ibu tunggal terpilih di Selangor telah dianalisis dan diteroka bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal ini untuk mengkaji aspek kesejahteraan psikologikal mereka. Tema-tema utama yang berjaya diperoleh adalah (a) Cabaran kewangan (b) urusan mahkamah, (c) isu nafkah anak-anak, (d) hubungan anak dengan bekas suami, (e) cabaran kesihatan, (f) cabaran membesarkan anak-anak, dan (g) stigma negatif masyarakat sekeliling. Tema-tema ini adalah saling berkaitan dan menjelaskan aspek kesejahteraan psikologikal ibu-ibu tunggal ini.

Cabaran Kewangan

Analisis tematik yang dilakukan oleh pengkaji mendapati, cabaran dari segi kestabilan ekonomi merupakan cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh kebanyakan informan yang ditemubual. Kos sara hidup yang tinggi memaksa golongan ibu tunggal ini untuk melakukan apa sahaja pekerjaan demi kelangsungan hidup tanpa suami di sisi. Hampir kesemua informan mempunyai tanggungan anak di bawah jagaan mereka dan keadaan ini menyebabkan mereka lebih terbeban dengan masalah kewangan.

Salah seorang informan melaporkan:

Macam saya operator umur 25 tahun, bila kita mintak, memang lah basic dah RM2000 lebih bersih dalam RM2100. Walaupun anak tiga memang tak mencukupi untuk kehidupan sekarang. Macam sekolah walaupun yuran tak bayar, betul yuran sekolah tak bayar saya tahu, tapi keperluan lain memang banyak.

(Informan 5)

Informan tersebut turut menyatakan kerisauannya terhadap kos pendidikan anak-anak:

Fikir anak nak belajar tapi kita kemampuan memang takda. Terpaksa berhutang dengan sekolah. Saya terpaksa berhutang saya cakap dengan cikgu saya kata kalau saya tak mampu saya akan bayar tahun depan. Saya akan bayarkan macam tu. Terpaksa lah macam ni mungkin anak-anak dah besar mungkin tak laluilah macam ni macam saya anak masih bersekolah. Terpaksa.

(Informan 2)

Kos untuk menyara anak yang masih bersekolah tentulah lebih tinggi daripada anak yang telah tamat persekolahan. Ramai daripada mereka yang hanya mampu menghantar anak ke sekolah hingga tingkatan lima sahaja. Walau pun mendapat keputusan yang baik, anak-anak ini memilih untuk bekerja bagi membantu ibu mereka. Ada juga yang terpaksa membatalkan niat untuk menyambung pengajian di universiti apabila ibu mereka tidak mempunyai wang simpanan untuk menanggung perbelanjaan mereka di universiti. Mereka akhirnya redha dengan kesusahan keluarga mereka. Seorang ibu tunggal yang lain turut menyuarakan:

Penceraian telah berlaku. Jadi pada umur 41 tahun, saya sudah bersara awal. Jadi, pendapatan memang tidak boleh support anak-anak 8 orang. Baru seorang yang masuk kolej, yang lain-lain itu nak bagi masuk kolej macam mana?

(Informan 1)

Lanskap kehidupan yang telah berubah selepas penceraian berlaku sememangnya memberikan kesan kepada kesenangan hidup yang mungkin pernah dikecapi semasa bersama suami. Salah seorang reponden yang ditemubual meluahkan bahawa beliau terpaksa bekerja selepas bercerai. Beliau juga mengalami masalah pengangkutan dan tempat tinggal sehingga memaksa beliau untuk tidur di bangunan tempat beliau bertugas sebagai seorang pengawal keselamatan. Beliau yang dahulunya memiliki kereta dan motorsikal atas nama suami, kini tidak memiliki apa-apa lagi. Keadaan ini sangat mengujinya kerana perlu berulang alik ke tempat kerja dengan menaiki kenderaan. Beliau menceritakan:

Dulu kita semua ada kereta motor. Kesusahannya dari segi kenderaan lah. Jadi, dengan usaha menumpang orang subuh-subuh pun, kita masuk pukul 7. Pergi dengan orang pukul 5.30 ke. Ikut lah kan. Itu saya, kenderaan lah. Kerja malam sekuriti, tiada rumah. Masalah rumah di sini saya duduk, tapi nak pergi kerja tak boleh. Saya tidur di sana. Tapi masalahnya kenderaan, memang masalah kenderaan lah. Nak pergi kerja semua. Itu yang saya kata sampai kita tidur di tempat kerja itu.

(Informan 4)

Masalah kewangan bertambah kronik kerana mereka tidak mempunyai simpanan. Ramai di antara mereka juga menanggung hutang yang banyak setiap bulan. Mereka tidak mampu membeli kenderaan selepas diceraikan. Ada juga yang tidak mampu untuk membayar sewa rumah kerana selama ini, bekas suami yang membayarnya. Lebih teruk lagi apabila mereka juga mengalami kesempitan wang untuk membeli perkara-perkara yang asas juga seperti lampin anak, susu, makanan harian, beras dan sebagainya. Situasi kewangan mereka lebih teruk menjelang hari raya atau tahun baharu, pada sesi persekolahan yang baharu. Informan meluahkan:

Untuk makan harian, saya cukup lah. Bila time buka sekolah, raya memang tak cukup. Saya akan tertunggak rumah ini. Sekarang rumah tertunggak, kalau tertunggak nama boleh di black-list. Saya terpaksa berhutang masa nak buka sekolah dengan raya. Nak kata mewah tak juga, baju anak sepasang seorang sahaja. Dekat situ dah lari bajet.

(Informan 3)

Informan seterusnya turut mengalami masalah kewangan, terutamanya apabila terpaksa mencari tempat tinggal yang baharu selepas penceraian dan melaporkan seperti yang berikut:

Macam betul-betul tertekan nya bila dapat rumah ini, dari segi duit depositnya. Saya kena pinjam duit orang. Kalau takda duit itu, tak boleh ada rumah.

(Informan 4)

Urusan Mahkamah

Golongan ibu tunggal yang ditemubual juga turut menyatakan rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap prosedur dan keputusan mahkamah. Mereka menyatakan bahawa keputusan mahkamah seolah-olah tidak adil dan tidak menjaga kebajikan mereka. Seorang informan melaporkan:

Saya pun malas nak naik mahkamah dah sebab apa kadang-kadang mahkamah tak berpihak pada saya pun. Kebanyakan mahkamah syariah tak berpihak pada perempuan pun. Kebanyakan. Alasan dia lelaki tu kata dia takda duit, mahkamah nak buat apa. Sebab saya sampai sekarang pun bergantung tak bertali pun. Dulu macam tu juga. Tak berpihak pada perempuan. Kita perempuan, saya bekerja takkan nak turun naik turun naik mahkamah betul tak.

(Informan 1)

Informan lain turut menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap keputusan mahkamah terutamanya dalam soal tuntutan nafkah:

Tapi betul seperti kata Hasnah (bukan nama sebenar) tadi, memang pihak mahkamah hanya akan memihak kepada lelaki. Walaupun, dia punya pencen itu dekat 4000. Tapi dia tulis ini, ini, ini, bayar ini. Tinggal 400. 400 itu lah yang bagi pada anak, yang boleh pada anak no 8 dan no 7. Yang dipohon 5 orang, untuk pohon nafkah, tapi dapat 2 orang. Jalan lah 3 bulan. Bulan berikutnya, minta-minta bagi lah sekali. Kalau tak minta, tak bagi sehinggalah sekarang. Begitulah mahkamah.

(Informan 2)

Informan 1 menambah lagi:

Masalah yang kita pergi sendiri ke mahkamah, bagaimana. Memang bebanan kepada wanita. Hakim tidak menyebelah kepada perempuan... Tolong juga kemukakan kepada

pihak mahkamah, undang-undang keluarga Islam ini perlu diperkuatkan supaya tidak menekan lagi kepada pihak wanita.

(Informan 1)

Informan 1 menegaskan:

Pasal masalah nafkah-nafkah ini, punya susah, nak dia punya detail pembelian lah apa-apa semua, Mak Long (bukan nama sebenar) sampai buat buku tiga lima pergi hantar dekat kedai runcit. Suruh anak, beli apa-apa masukkan dalam buku tiga lima. Macam itu. Pun tak jalan dituntut. Macam mana peranan mahkamah begitu?

(Informan 1)

Justeru, luahan-luahan informan kebanyakannya menunjukkan ketidakpuasan hati mereka terhadap prosedur dan proses perbicaraan di mahkamah syariah. Ramai yang mengadu penat, tertekan dan kecewa dengan cara kes mereka dikendalikan. Proses yang panjang untuk mereka menuntut cerai, menuntut hak penjagaan, menuntut nafkah anak dan sebagainya seolah-olah memberi tekanan kepada sebelah pihak sahaja, iaitu pihak wanita. Proses ini perlu dipermudahkan mengikut mereka, kerana pihak wanita sudah sedia tertekan dengan masalah kewangan, masalah stigma dan sebagainya yang telah menghimpit mereka. Mereka terasa dizalimi, diabaikan dan tidak dibantu oleh pihak mahkamah dan masyarakat sekeliling.

Isu Tuntutan Nafkah Anak-Anak

Hasil temu bual bersama informan, pengkaji mendapati bahawa kesemua informan berjaya mendapatkan hak penjagaan anak-anak selepas bercerai. Namun begitu, dengan masalah kewangan dan kos sara tinggi yang dihadapi, urusan tuntutan nafkah di mahkamah seolah-olah tidak menyebelahi golongan ibu tunggal dan keadaan ini sedikit sebanyak memberikan impak kepada status kesejahteraan psikologi mereka. Selain itu, bekas suami juga seolah-olah melepaskan tanggungjawab membesarkan anak-anak sepenuhnya kepada golongan ibu tunggal ini. Rata-rata informan meluahkan bahawa bekas-bekas suami mereka terus menghilang selepas bercerai. Kebanyakannya tidak mengambil endah nafkah anak-anak walaupun telah diputuskan jumlah yang perlu diberikan oleh mahkamah. Ada yang hanya memberi duit apabila diminta dan memberi dalam jumlah yang sangat minima pula.

Seorang informan menyatakan:

Cuma satu jelah tanggungjawab dia tak pernah tunaikan nafkah sampai sekarang. Nafkah memang dia tak pernah bagi.

(Informan 2)

Kadang dia datang dia bagi duit saya tak nafi lah kalau anak dia mintak dia bagi lah dalam 50 ringgit. Anak tiga 50-ringgit cukup ke.

(Informan 8)

Informan lain turut menambah:

Tu nasib saya sebagai ibu tunggal lah orang lain saya tak tahu. Saya macam tu lah. Sampai sekarang dah sebelas tahun untuk bagi bulan-bulan tak. Dalam setahun sekali kut kalau bagi pun. Itu pun kalau saya mintak dia takkan bagi kalau anak-anak dia mintak nak tu dia akan bagi tu pun bulan ni mintak tiga bulan pulak dia akan bagi. Macam tu lah.

(Informan 6)

Isu tuntutan nafkah ini turut mendapat sambutan hangat dalam perbincangan berfokus ini. Informan lain turut menambah:

Jadi anak-anak saya semua saya yang sara lah. Daripada sekolah sampai masuk U. Semua. Bak kata orang satu sen lah dia tak bagi sebab dia tahu duit mak dia ada. Mampu. Anak-anak sekolah pun satu sen pun tak pernah bagi, dia tak tahu anak dia pergi universiti kat mana.

(Informan 7)

Salah seorang informan turut meluahkan kemarahannya apabila nafkah anak yang dituntut daripada bekas suami tidak pernah diendahkan atas alasan tiada wang, tetapi bekas suaminya mampu pula berkahwin dengan wanita lain. Ini membuktikan bahawa bekas suami tersebut sebenarnya mempunyai kemampuan daripada segi kewangan, tetapi hanya beralih apabila nafkah anak dituntut.

Hubungan Anak dengan Bekas Suami

Sebagai seorang ibu, tugas membesarkan anak-anak seorang diri bukanlah satu tugas yang mudah. Selain terpaksa mencari nafkah bagi menampung perbelanjaan seharian, golongan ini juga cuba untuk memulihkan hubungan anak-anak mereka dengan bekas suami. Mereka kerap kali meminta anak-anak menghubungi ayah mereka supaya anak-anak merasa bahawa mereka masih mempunyai ayah. Ironinya, bekas-bekas suami informan yang ditemubual mempunyai sikap lepas tangan. Ramai yang tidak lagi mengambil peduli mengenai anak-anak yang telah mereka tinggalkan. Mereka tidak berusaha untuk mendekati anak-anak ini, apatah lagi untuk bertanya khabar atau mengambil tahu perkembangan anak-anak.

Salah seorang informan menyuarakan:

Kalau saya, macam raya saya suruh anak saya call lah. Sebab takkan raya sampai takda ayah kan. Call je abah kau tanya abah kau macam mana... dia call lah. Tapi untuk dia bertanya anak dia sihat ke tidak takkan tanya. Sebab tu saya jadi tak heran lah dia datang ke tak datang ke sama je bagi saya.

(Informan 3)

Informan lain turut menyokong dengan menyebut:

Dia memang tak rapat bila ayah datang dia memang sekadar salam duduk macam tu lah. Borak pun takkan. Dia tengok je kadang-kadang pergi jumpa ayah pun pergi salam abah kau tu. Yelah takda kemesraan nak salahkan anak tak boleh jugak.

(Informan 1)

Oleh itu, rata-rata bekas suami mereka tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan anak-anak. Bekas suami pula tidak berusaha untuk merapatkan hubungan mereka supaya anak-anak ini merasa kasih sayang seorang ayah. Kesannya, anak-anak tidak begitu mesra dan janggal apabila bersama dengan ayah mereka. Dalam satu kes yang diluahkan oleh informan, bekas suami beliau hanya pernah sekali melawat anak mereka, itu pun semasa anak tersebut baru melangkah kaki ke sekolah rendah. Informan tersebut meluahkan:

Dia pernah tengok anak dia pun sekali je. Anak dia darjah satu sekarang darjah lima. Yang bongsu la. Dia tak tengok anak dia daripada saya bercerai tu yang start darjah satu sekarang baru dia tengok. Darjah satu sekarang dah 11 tahun.

(Informan 5)

Situasi sebegini tentunya memberi kesan yang negatif kepada emosi anak-anak. Mereka pasti tersentuh, sedih dan kecewa apabila melihat rakan-rakan sebaya yang lain mempunyai ayah yang begitu baik, mengambil berat dan penyayang. Bagi yang sedang menginjak remaja, keadaan ini membuka ruang bagi mereka untuk mencari kasih sayang dan perhatian daripada orang lain, terutamanya orang yang mereka boleh gelar sebagai kekasih atau teman lelaki. Bagi remaja lelaki pula, apabila watak dan peranan ayah hilang daripada hidup mereka, mereka berisiko untuk terlibat dalam gejala-gejala sosial kerana hilangnya model yang baik untuk mereka teladani. Mereka juga mungkin menjadi pendendam, kasar, anti-sosial dan pamarah.

Cabaran Kesihatan

Rata-rata informan mengadu kepenatan melampau kerana perlu bekerja dengan lebih lama bagi menanggung perbelanjaan harian keluarga mereka. Kebanyakan informan yang ditemubual menjalankan dua atau tiga pekerjaan dalam sehari untuk memperoleh pendapatan yang lebih. Bagi yang bekerja sendiri, mereka perlu lebih giat bekerja kerana pendapatan mereka bergantung kepada usaha yang mereka lakukan. Ramai yang mula berjinak-jinak meniaga kecil-kecilan seperti membuat kuih muih dan kerepek. Kepenatan mereka bekerja akhirnya menyebabkan status kesihatan mereka semakin merosot. Ramai yang meluahkan kerap demam dan sakit kepala. Mereka juga dibelenggu dengan masalah kesihatan yang tidak dapat dihuraikan oleh doktor perubatan.

Salah seorang informan menceritakan:

Kisah hidup saya memang teruk lah. Saya dikejar, saya diburu oleh suami yang tak mahu menceraikan saya. Dalam penceraian ni dia baik. Disebabkan oleh orang ketiga tu tak nak saya ada dalam hidup dia. Unsur lain yang datang. Saya sakit teruk harapkan kawan-kawan yang nak tolong je kalau ada pun ada kat sini je.

(Informan 4)

Informan meluahkan bahawa kehidupannya menjadi semakin tidak terurus kerana masalah kesihatannya. Dia tidak dapat menumpukan perhatian kepada kerjaya kerana kerap kali mengambil cuti. Kehidupan anak-anak juga turut terjejas. Apabila masalah kesihatan, yang disifatkannya sebagai “pelik” dan merupakan “gangguan luar” datang menganggunya, beliau hanya mampu berehat di rumah tanpa melakukan apa-apa pekerjaan. Beliau juga terpaksa kerap berulang-alik ke hospital untuk memeriksa matanya. Segala bentuk ikhtiar telah dilakukan oleh informan ini, termasuklah berjumpa dengan ustaz dan pengamal perubatan alternatif.

Beliau turut meluahkan:

Perut saya busung saya berubat dengan Ustaz Asmawi berdekatan Econsave tu. Saya disantau. Teruk lah saya.

(Informan 4)

Seorang informan lain yang kerap bersama informan ini turut menambah cerita di mana informan ini kerap memandu melawan arus tanpa sedar seolah-oleh sedang dirasuk. Kehidupan informan yang mula haru biru selepas penceraian tersebut hanya mengharap belas ihsan dan

sokongan daripada golongan yang senasib. Dia hidup menumpang di rumah persatuan pada mulanya, dan akhirnya menerima rumah bantuan dengan sewa yang minima.

Informan lain juga turut melaporkan masalah kesihatan yang bertitik tolak puncanya daripada rehat yang tidak cukup dan kepenatan melampau kerana menguruskan anak-anak dan bekerja. Simptom-simptom yang dilaporkan adalah demam yang kerap, sakit kepala dan pening.

Cabaran Membesarkan Anak-Anak

Sebagai seorang ibu tunggal, membesarkan anak-anak seorang diri pastinya menjadi salah satu cabaran yang amat besar. Mereka berpendapat bahawa tanggungjawab membesarkan anak semakin berat sejak ketiadaan suami, sama ada kerana penceraian atau kematian. Ibu tunggal terpaksa menggalas tanggung jawab sebagai ibu dan bapa dalam masa yang sama. Karakter seorang ibu dan bapa tentunya berbeza. Justeru, majoriti daripada mereka mengakui bahawa mereka tidak mampu menjadi ibu yang prihatin dan bapa yang tegas tetapi penyayang kerana kesibukan mereka bekerja. Mereka terkilan kerana anak-anak mereka terpaksa berdikari dalam usia yang terlalu muda. Mereka tidak mampu menghantar dan mengambil anak-anak daripada sekolah seperti ibu bapa yang lain. Kebanyakan anak-anak ini ke sekolah dengan menaiki basikal atau berjalan kaki. Salah seorang informan meluahkan:

Banyak kali, macam saya bekerja, masa untuk anak kita hanya malam sahaja lah. Anak saya terpaksa berdikari sendiri, pergi sekolah naik basikal, lepas tu balik uruskan diri sendiri, lepas tu pergi sekolah agama. Petang tu baru saya ambil, macam tu lah hidup uruskan diri sendiri.

(Informan 3)

Masa yang mereka ada hanyalah pada waktu malam untuk bersama dengan anak-anak. Mereka sentiasa risau apabila memikirkan aktiviti anak-anak mereka seharian. Ada yang meluahkan rasa ragu-ragu akan kehadiran anak-anak mereka ke sekolah. Mereka bimbang anak-anak ponteng sekolah, kerana mereka tidak dapat memantau selalu. Mereka juga cemas apabila anak-anak mula berkawan dengan remaja yang tidak disenangi. Informan melaporkan:

Kadang-kadang saya terpaksa call cikgu, tanya ada kerja sekolah tak hari ni? Sebab kadang takut zaman sosial sekarang. Kata pergi sekolah, tengok baju sekolah elok je, kadang kita takut. Sekarang gejala sosial memang tinggi.

(Informan 5)

Ramai juga informan yang meluahkan kebimbangan mereka akan masalah sosial yang berlaku sekarang. Mereka takut anak mereka juga akan turut terjebak. Mereka akui tanggung jawab menjaga dan memantau anak-anak adalah tanggung jawab mereka, tetapi sejauh mana sangatlah seorang ibu mampu memantau anak-anak remaja, terutamanya anak lelaki yang jauh langkahnya. Mereka akui tidak dapat mengawal pergerakan dan aktiviti anak-anak mereka, terutamanya semasa mereka bekerja. Salah seorang informan menyuarakan:

Tapi yang paling kami takut ialah masalah sosial sekarang. Sebab cikgu kat sekolah pun cakap urusan dia hanya di sekolah, di rumah kitalah ibu bapa. Tapi kebanyakan ibu bapa sekarang bekerja. Yang tak bekerja pun, kadang-kadang anak terbiar juga. Ada macam tu, terbiarlah. Masalah sosial ni susah kita nak control. Itu paling saya takut.

(Informan 3)

Informan lain turut mengemukakan masalah yang sama:

Paling takut itu lah. Sebab macam saya ibu tunggal, tiada laki nak marahkan. Kita marah, kita yang pujukkan. Dia tak takut. Kalau suami isteri, dia takut dengan ayah. Bagi saya ibu tunggal, kadang balik malam kan. Itulah saya takut, masa untuk anak. Mereka terpaksa berdikari sendiri.

(Informan 3)

Dengan orang luar, dengan cikgu dia orang takut, dengan mak bapak biasa jarang takut. Macam saya, saya sorang. Sayalah ibu, sayalah ayah. Bila kita marah lepas tu gaduh-gaduh dengan anak, akhirnya kita juga yang pujuk dia kan. Kalau tak nak makan, kita risau...

(Informan 2)

Ternyata ibu-ibu ini terlalu sayangkan anak-anak mereka. Mereka sentiasa ingin menegur, menasihati dan membimbing anak-anak mereka, tetapi dalam pada itu, mereka juga sentiasa ingin menjaga hati anak-anak mereka. Mereka juga yang akan memujuk anak apabila mereka merajuk dan berjauhi hati. Kasih seorang ibu, walau pun anak tersebut selayaknya dimarahi dan diberi amaran, masih lagi didekati dengan cara yang lembut kerana tidak mahu anak-anak menjauhi mereka.

Stigma Negatif Masyarakat

Masyarakat setempat kebanyakannya mempunyai satu stigma yang negatif terhadap golongan ibu tunggal. Stigma dan persepsi negatif ini tidak mudah hilang walaupun Malaysia kini semakin berkembang maju. Majoriti informan yang ditemubual mengakui hakikat ini dan meluahkan rasa kesal mereka. Mereka tersinggung dengan stigma yang diterima, seolah-olah mereka adalah golongan yang dipinggirkan dan terhina. Stigma ini tidak mengenal usia mereka, jawatan atau pekerjaan mereka, dan jumlah anak mereka.

Salah seorang informan meluahkan rasa kecil hatinya terhadap pandangan serong masyarakat setempatnya. Beliau menyatakan:

Banyak orang pandang serong pada kita, terutamanya saya lah. Sebab saya ni cikgu, mengajar. Bila saya hari-hari pergi surau, orang kata nak menggatal pulak kan? Bila nak tegur suami orang atau jiran sebelah, dia pun rasa serba salah. Jadi lama-lama, malas nak keluar rumah.

(Informan 8)

Informan lain menambah:

Pandangan orang, kita sebagai ibu tunggal. Kadang kita berborak dengan jiran suami orang, kita tak ada masalah, orang lain pula. Sebab itu saya lebih banyak duduk dalam rumah. Saya memang jarang ke luar rumah, Mak Jah pun jarang jumpa saya. Kalau ada cuti, Mak Jah panggil saya. Masa cuti, duduk rumah dengan anak-anak sahaja urusan saya. Itu je. Dari segi fitnah, kita nak pergi buat kebaikan, orang cakap jugak. Nak keluar rumah, tunggu. Susah.

(Informan 3)

Stigma tersebut memberi kesan kepada pergerakan dan aktiviti ibu tunggal. Mereka terpaksa menghadkan aktiviti untuk mengelakkan daripada *gossip* dan “cakap-cakap” masyarakat sekeliling. Malah, untuk melakukan kebaikan, seperti mengikuti program agama atau ke surau pun, mereka terpaksa menimbangkan niat tersebut, takut disalaherti oleh jiran-jiran. Kehidupan mereka terbatas kerana persepsi negatif masyarakat. Mereka tidak bebas melakukan apa yang mereka ingin lakukan, walau pun perkara tersebut baik dan tidak menyalahi syariat.

Interaksi dan komunikasi mereka dengan ahli masyarakat yang lain juga terhalang kerana salah faham dan tanggapan negatif masyarakat. Mereka terpaksa mengelak untuk berkomunikasi secara berdepan dengan kaum lelaki, untuk mengelak daripada fitnah. Namun, ia tidak juga menyelesaikan masalah. Komunikasi secara bukan lisan juga boleh mendatangkan tanggapan negatif kepada isteri-isteri tersebut. Ada sahaja andaian yang dibuat apabila seorang ibu tunggal menghantar *sms* atau *whatsapp* kepada suami mereka. Isteri-isteri ini mungkin berasa tidak selamat apabila suami mereka dihubungi oleh ibu tunggal, walau pun atas urusan bukan peribadi. Golongan ibu tunggal ini sentiasa menjadi sasaran cemburu buta golongan isteri di kawasan kejiranan mereka.

Informan lain turut meluahkan:

Tapi fasal masalah fasal surau semua tu. Memang ada lah. Kadang-kadang kita bercakap hal penting. Tapi manusia pandang lain. Tapi kita sebenarnya terpaksa bercakap. Kadang kita terpaksa stop bercakap, kita terpaksa guna telefon pula. Bila kita telefon pulak, kadang naik nombor kita, mungkin dia simpan nombor kita. Isteri pula marah. “Ha ni, ibu tunggal ni telefon”. Haa jadi macam tu. “Janda mana telefon”.
(Informan 2)

Perbincangan

Kajian mendapati bahawa antara cabaran utama yang dihadapi oleh ibu tunggal ialah stigma daripada masyarakat sekeliling. Stigma negatif yang diterima daripada masyarakat sekeliling akan mengeruhkan lagi keadaan dan semakin memberikan tekanan emosi kepada golongan ibu tunggal. Hasil kajian terdahulu mendapati bahawa kebanyakan ibu tunggal mengalami masalah dan cabaran yang hampir sama. Wan Halim Othman (1995) mendapati golongan ibu tunggal, terutamanya wanita yang ditinggalkan atau diabaikan oleh suami kebiasaannya akan mengalami kemurungan dan tekanan mental. Tekanan akan menyebabkan ibu tunggal ini cenderung untuk mengabaikan anak-anak mereka dengan membiarkan anak-anak ini di bawah penjagaan datuk, nenek dan saudara terdekat. Kecenderungan ke arah pengabaian anak-anak ini menjadi petunjuk kepada ketidakstabilan emosi dan kegagalan untuk mengawal tekanan dengan baik.

Golongan ibu tunggal juga sering dikaitkan dengan masalah kemiskinan, kecelaruan mental dan masalah sosial (Crosier et al., 2007; Zabkiewicz, 2010). Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa masalah kewangan adalah antara cabaran yang membelenggu mereka. Sebagaimana yang dicadangkan oleh kajian lepas bahawa masalah ekonomi, pengangguran, bebanan tanggungjawab dan tekanan kehidupan di bandar merupakan antara faktor penyumbang penurunan kesejahteraan emosi golongan ibu tunggal (Hamidah, 2006). Stack dan Meredith (2018) melaporkan bahawa ramai ibu-ibu tunggal yang tidak mampu untuk membeli makanan dan keperluan asas, dibelenggu dengan hutang dan tidak mempunyai wang simpanan. Justeru, perubahan peranan baru yang digalas akibat ketiadaan suami pastinya memberikan tekanan

yang hebat kepada golongan ini (Imber-Black, 2007). Cabaran ini turut mendatangkan kesan negatif terhadap status kesihatan emosi ibu tunggal (Anjli Panalal, 2005).

Kajian ini juga mendapati bahawa masalah kesihatan merupakan antara cabaran utama ibu tunggal. Status kesihatan mereka semakin merosot apabila perlu bekerja lebih lama dan menjalankan pelbagai tugas dan tanggung jawab lain pula di rumah (Siti Rafiah & Sakinah, 2013). Ibu-ibu tunggal kebanyakannya tidak mendapat rehat yang cukup, tidur yang sempurna dan masa untuk menguruskan diri sendiri. Akibatnya, kesihatan fizikal serta mental mereka terancam. Sebagaimana Hetherington dan Stanley-Hagan (2002) melaporkan bahawa ramai ibu tunggal mengalami keresahan, kemurungan dan kesunyian selepas bercerai dengan pasangan. Mereka mengalami tekanan hidup yang lebih kronik dan episod kemurungan yang lebih besar berbanding dengan ibu yang berkahwin (Cairney, Boyle, Offord & Racine 2003).

Choy dan Moneta (2002) telah mendapati bahawa tekanan, perubahan peranan serta tanggungjawab yang dipikul oleh golongan ibu tunggal ini memburukkan kesejahteraan emosi ibu tunggal. Walau bagaimanapun, Wan, Jaccard & Ramey (1996) mendapati ibu tunggal mampu mencapai kesejahteraan emosi yang lebih baik apabila menerima sokongan yang kuat daripada masyarakat sekeliling dan keluarga. Ironinya, berdasarkan hasil kajian ini, ramai di antara mereka yang meluahkan rasa kesal kerana keluarga tidak memahami tekanan hidup mereka sebagai ibu tunggal. Mereka sering dilihat sebagai wanita yang kuat dan boleh dibebankan dengan tanggung jawab-tanggung jawab yang lain lagi. Realitinya, mereka menjalani kehidupan yang sangat sukar kerana menanggung keluarga sendirian.

Rumusan

Masyarakat umum cenderung untuk melihat golongan ibu tunggal ini sebagai individu yang rendah kedudukan dan tarafnya berbanding wanita yang mempunyai suami. Golongan ibu tunggal sepatutnya didekati, difahami, dikasihani dan dibantu. Namun, masyarakat kita sering menjauhi dan meminggirkan mereka. Ini akan membawa kepada pelbagai permasalahan dan kesukaran kepada golongan ibu tunggal. Mereka terdedah kepada masalah psikologi seperti kesunyian, kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Masalah kewangan, isu penjagaan anak dan gangguan kesihatan akan memburukkan lagi tahap kesejahteraan psikologi mereka. Oleh itu, kerjasama dan keprihatinan daripada semua sangat diperlukan untuk membantu golongan ini bangkit semula bagi memelihara keluarga dan diri mereka.

Penghargaan

Kajian ini menggunakan dana penyelidikan kursi kepimpinan wanita yang dibiayai oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah dana penyelidikan Pusat Kepimpinan Wanita (PKW). Kod penyelidikan adalah PKW-2018-003.

Rujukan

- Anjli Panalal, K. (2005). *Family functioning and child well-being amongst urban Malay single mother families: Influence of risk and protective factors*. (Doctor of Philosophy), University Putra Malaysia.
- Anspaugh, D. J., Hamrick, M., & Rosato, F. (2010). *Wellness: Concepts and Applications*. McGraw-Hill Humanities/Social Sciences.
- Bitter, J. R. (2009). *Theory and Practice of Family Therapy and Counseling*. Canada: Cengage Learning.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. doi:10.1191/1478088706qp0630a Liamputtong, P., &

- Ezzy, D. (2005). *Qualitative Research Methods* (2nd ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Cairney, J, Boyle, M., Offord, D.R. & Racine, Y. (2003) Stress, social support and depression in single and married mothers. *Social Psychiatry Psychiatric Epidemiology* 38, 442-449.
- Choi, J.-K., & Jackson, A. P. (2011). Fathers' involvement and child behavior problems in poor African American single-mother families. *Children & Youth Services Review*, 33(5), 698-704.
- Choy, W.C.W. & Moneta, G.B. (2002). The interplay of autonomy and relatedness in Hong Kong chinese single mothers. *Psychology of Women Quarterly*. 26,186-199.
- Crosier, T., Butterworth, P., & Rodgers, B. (2007). Mental health problems among single and partnered mothers. The role of financial hardship and social support. *Soc Psychiatry Epidomial*, 42, 6-13.
- Diyana, I., Doris, P. S., & Nor Aini, I. (2009). *Isu dan cabaran ibu tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global*. Paper presented at the Prosiding PERKIM IV.
- Dunn, C. R. (2015). *Young widows' grief: A study of personal and contextual factors associated with conjugal loss*. (3733815 Ph.D.), Utah State University, Ann Arbor.
- Fauziah Abd Ghani, Farah Adibah Ibrahim, Azian Abd Aziz & Mastura Mahfar (2015). Relationship between the belief system and emotional well-being of single mothers. *Asian Social Science*, 11, 28-42.
- Hamidah, A. R. (2006). Faktor penyumbang kepada masalah keluarga dan perceraian: Kajian kes di Johor. In A. R. Abd Rahim, H. Sufean, & H. Che Hashim (Eds.), *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Hatcher, J. (2008). Predictors of depression for low-income African American singlemothers. *Journal of Health Disparities Research and Practice*, 2, 89-110.
- Hetherington, E. M., & Stanley-Hagan, M. M. (2002). Parenting in divorced and remarried families. In M. Bornstein (Ed.), *Handbook of parenting*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Imber-Black, E. (2007). Reflections on the Special Issue: Divorce and Its Aftermath, Editorial. *Family Process*, pp. 1-2.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015). *Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal 2015-2020*.
- Kendig, S. M., & Bianchi, S. M. (2008). Single, cohabitating, and married mothers' time with children. *Journal of Marriage and Family*, 70(5), pp 1228-1240.
- Khosravan, S., Salehi, S., Ahmadi, F., & Mansoorian, M. R. (2013). Social support: The most important need of young Iranian single-parent widows on their path to widowhood. *International Journal of Nursing Practice*, 19, 274-280.
- Malinen, K., Kinnunen, U., Tolvanen, A., Rönkä, A., Wierda-Boer, H., & Gerris, J. (2010). Happy Spouses, Happy Parents? Family Relationships Among Finnish and Dutch Dual Earners. *Journal of Marriage & Family*, 72 (2), 293-306.
- Myers, J. E., & Sweeney, T. J. (2004). The Indivisible Self: An Evidence-Based Model of Wellness. *Journal of Individual Psychology*, 60(3), 234-245.
- Nichols, M. P. (2010). *Family Therapy Concepts and Methods* (9th ed.). Boston: Pearson Education.
- Norizan, Y. (2016). Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2), 74-81. URL: <http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/issue/view/26>
- Ochoa, R. M. (2006). *Spirituality and bereavement among the widowed*. (1437804 M.S.W.), California State University, Long Beach, United States -- California.

- Payne, G., & Williams, M. (2005). Generalization in qualitative research. *Sociology*, 39 (2), 295-314. Doi: 10.1177/0038038505050540
- Rousou, E., Kouta, C., Middleton, N., & Karanikola, M. (2013). Single mothers' self-assessment of health: a systematic exploration of the literature. *International Nursing Review*, 60, 425–434.
- Samuels-Dennis, J. A., Ford-Gilboe, M., Wilk, P., Avison, W. R., & Ray, S. (2010). Cumulative Trauma, Personal and Social Resources and Post-Traumatic Stress Symptoms Among Income-assisted Single Mothers. *Journal of Family Violence*, 25, 603-617.
- Siti Rafiah, A. H., & Sakinah, S. (2013). Exploring single parenting process in Malaysia: Issues and coping strategies. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 84, 1154-1159.
- Siti Uzairiah, M. T. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur, Malaysia: Aras Publisher.
- Stack, R. J. & Meredith, A. (2018). The Impact of Financial Hardship on Single Parents: An Exploration of the Journey from Social Distress to Seeking Help. *Journal of Family and Economic Issues*, 39(2), 233–242. <https://doi.org/10.1007/s10834-017-9551-6>.
- United Nation Development Programme. (2007). *Towards a National action plan to empower single mothers*. Kuala Lumpur.
- Wan Halim Othman (1995). *Fenomena Ibu Tunggal Dalam Masyarakat*. Ciri-ciri dan Cara Menghadapinya. Kelana Jaya (Kertas Kerja Dalam Seminar Ibu Tunggal Kebangsaan, 7-9 Julai 1995).
- Wan, C.K., Jaccard, J, & Ramey, S (1996). The relationship between social support and life satisfaction as a function of family structure. *Journal of Marriage and Family*. 58. 502-513.
- Zabkiewicz, D. (2010). The mental health benefits of work: do they apply to poor single mothers? *Soc Psychiatry Psychiatr Epidemiol*, 45, 77-87.
- Zaini, S. (2014). *Hubungan Spiritualiti, Religiositi, Sokongan Sosial ke atas Kesihatan Mental dalam kalangan Ibu Tunggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. (Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.